

09/02/1998

Aishah tiada niat tukar agama

KUALA LUMPUR, Ahad - Pusat Islam mendapati, Nor Aishah Bokhari, yang dikatakan mengisytiharkan dirinya keluar dari agama Islam untuk berkahwin dengan teman lelakinya yang bukan Islam, sebenarnya tidak berhasrat bertukar agama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata siasatan Pusat Islam mendapati kes itu adalah kes percintaan yang tidak mendapat restu keluarga dan tiada kena mengena dengan isu murtad.

"Aishah tidak ada niat (menukar agama), dia mempunyai latar belakang agama yang kuat, cuma isunya, isu percintaan dia dengan seorang yang bukan beragama Islam. Jadi perkara ini bukan luar biasa," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Aidilfitrianya, di Puchong, hari ini.

Hadir sama di majlis itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar dan beberapa wakil kedutaan asing di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru dan hasil siasatan kes Nor Aishah, 25, yang melarikan diri dari keluarga dan dipercayai mengikut teman lelakinya, Joseph Arnold Lee, 28, sejak 30 Disember lalu.

Abdul Hamid bagaimanapun berkata, Pusat Islam belum mempunyai maklumat di mana Nor Aishah berada sekarang tetapi pegawai jabatan itu sentiasa berhubung dengan keluarga wanita berkenaan.

"Kita sedang mengurus perkara ini, maknanya jauh sama sekali bahawa seorang wanita Islam, Melayu keluar daripada agamanya. Perkara itu didapati bukan yang sebenarnya, lambat laun kita akan selesaikan masalah keinginan mereka hendak berkahwin, bukan soal percanggahan amalan agama," katanya.

(END)